

04/07/2003

Langkawi banyak ikan besar

BAGI kaki pancing yang akan menyertai pusingan ketiga GP Joran 2003/04 di Awana Porto Malai, Langkawi pada 2 dan 3 Ogos ini, mereka dijanjikan tidak pulang tangan kosong.

Ini kerana lokasi pertandingan dikenal pasti sebagai lubuk pelbagai jenis ikan termasuk kerapu, siakap merah dan pari. Lokasi itu juga sering menjadi pilihan penganjuran pertandingan memancing.

Pegawai Perikanan Daerah Langkawi, Badeli Hassan, berkata selain spesies lain seperti senangin, gelama dan bulus pada kadar timbangan yang berat juga pernah dipancing peserta pertandingan sebelum ini.

"Berdasarkan pengalaman, peserta amat berpuas hati memancing di sini kerana dihuni pelbagai jenis ikan bersaiz besar. Malah dalam pertandingan sebelum ini peserta tidak berganjak sebelum tempoh pertandingan berakhir.

"Saya yakin mereka yang menyertai pusingan ketiga GP Joran di sini nanti tidak akan menyesal, sebaliknya ia mungkin menjadi pengalaman manis apabila berjaya menaikkan ikan terbesar," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Langkawi.

Badeli bagaimanapun enggan mendedahkan lokasi tepat lubuk yang dipercayai didiami ikan gergasi itu untuk menambah debaran kaki pancing.

Pada masa sama, beliau menasihatkan peserta tidak perlu risau mengenai keselamatan terutama jika berlaku ribut kerana lokasi itu terlindung beberapa pulau.

Awana Porto Malai pernah menjadi tuan rumah Grand Slam Joran 1998 yang turut dikunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pertandingan anjuran Berita Harian kali ini mendapat kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Awana Porto Malai dan Persatuan Nelayan Kawasan Langkawi.

Juara Kategori Laut akan menerima hadiah wang tunai RM8,000, kedua (RM4,000) ketiga (RM2,000) manakala bagi Kategori Pantai, pertama (RM6,000), kedua (RM3,000) dan ketiga, RM1,000.